

09 NOV 1999

Mahkamah-Anwar (PM)

SAYA DIARAH GUNA DANA AWAM BAYAR GANTI RUGI KEPADA SYARIKAT, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa beliau diarah oleh Perdana Menteri untuk menggunakan dana Perbendaharaan bagi membayar ganti rugi kepada sebuah syarikat tanpa melalui prosedur sewajarnya.

Anwar berkata beliau enggan mematuhi arahan itu kerana ia bukan sebahagian daripada tugasnya sebagai Menteri Kewangan.

"Itu bukan sebahagian daripada tugas Menteri Kewangan untuk menggunakan dana awam. Saya merujuk secara khusus kepada Tan Sri Ting (Pek Khiing) dan Ekran (Berhad)," kata beliau.

Ting ialah pemegang saham terbesar Ekran Berhad, kontraktor utama bagi Projek Hidro Elektrik Bakun berharga RM13.6 bilion di Sarawak.

Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri memberitahu demikian ketika disoal oleh peguambela utamanya Christopher Fernando semasa membela diri pada perbicaraannya atas tuduhan liwat yang masuk hari ke-74 hari ini.

Anwar, 52, dituduh bersama adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pada suatu malam antara Januari dan Mac 1993 pukul 7.45 malam.

Sukma, ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu kepada isteri Anwar di tempat dan masa yang sama.

Anwar dipecat sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept tahun lalu atas sebab-sebab moral.

Anwar yang diperintahkan oleh mahkamah Jumaat lalu untuk dirawat segera di Hospital Kuala Lumpur (HKL) selepas beberapa kali mengadu mengenai "sakit kepala bagaikan hendak pecah" hari ini hadir di mahkamah tanpa mengadu sakit kepala sepanjang perbicaraan.

Beliau berada selama tiga hari di hospital.

Dalam keterangannya, Anwar berkata pandangan Perbendaharaan secara rasmi ialah bahawa ia mesti diaudit secara sah.

"Apabila saya enggan, ia dianggap sebagai mencabar perdana menteri," kata Anwar.

Anwar berkata beliau juga membantah arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung dengan satu daripada projek Renong Berhad dan Perdana Menteri meradang apabila beliau menentang cadangan berhubung dengan kedua-dua projek.

Anwar berkata projek Bakun unik kerana selain Ting, Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin juga mempunyai kepentingan melalui nominee dalam Ekran dan anak lelaki Perdana Menteri sepatutnya mendapat kontrak utama bagi projek itu.

Semasa memberi keterangan, Hakim Datuk Arifin Jaka mengingatkan Fernando supaya tidak mengulangi soalnya dan mengemukakan soalan yang hanya relevan kepada tuduhan.

Fernando menjawab bahawa pihak pembelaan mahu membuktikan bahawa wujudnya elemen pertentangan antara Anwar dan Dr Mahathir dan ini kemudian menjadi kemuncak bagi tuduhan-tuduhan yang dikemukakan terhadap Anwar yang telah disiasat dahulu dan didapati tidak berasas."

Arifin mahu pihak pembelaan mengemukakan buktiyi menunjukkan wujudnya

pertentangan antara Anwar dan Perdana Menteri dan Fernando berkata pihaknya mahu membuktikan bahawa siasatan kedua didorong oleh pertentangan dan hubungan yang teruk antara kedua-dua mereka.

Selepas itu, pertikaman lidah berlaku antara hakim dan peguam yang berakhir apabila Arifin berkata beliau akan mencatatkan setiap apa yang Fernando kata.

Anwar meneruskan keterangan dengan berkata individu tertinggi yang akan teruk terjejas jika skim pampasan itu tidak dilaksanakan ialah Ting, Daim, anak Tan Sri Amar Taib Mahmood dan anak lelaki Perdana Menteri.

Anwar kemudian merujuk kepada pelbagai perbalahan antara beliau dan Perdana Menteri yang menyebabkan Dr Mahathir berubah sikap terhadapnya pada 1998.

Katanya, Daim telah meyakinkan Dr Mahathir bahawa beliau (Anwar) akan mencabar Dr Mahathir sebagai presiden UMNO dan wujud percanggahan dasar melalui cara kedua-dua mereka menangani krisis ekonomi dan masalah kewangan.

"Saya berpendapat bahawa apa yang mendorong Perdana Menteri mengarahkan pihak berkuasa berkenaan bertindak ke atas saya ialah kerana saya dilihat sebagai tidak lagi boleh diharap untuk melindungi kepentingan keluarga dan kroni-kroninya," kata beliau.

Anwar berkata beliau tahu Daim bertanggungjawab mempengaruhi Dr Mahathir supaya memecatnya daripada pelbagai jawatan dalam Kabinet untuk melindungi kepentingan perniagaannya dan terus menutup penyalahgunaan termasuk rasuah.

"Yang Arif, menjelang masa itu, saya yakin bahawa mereka mempunyai kepentingan bersama dalam perniagaan dan kontrak yang saya sebutkan," kata beliau.

Beliau berkata percanggahan kepentingan utama antara kedua-dua mereka (Anwar dan Dr Mahathir) timbul apabila Perdana Menteri marah kepadanya selepas Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjumpai wang RM100,000 dalam laci Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi pada Ogos 1998.

"Perdana Menteri menuduh saya bekerjasama secara diam-diam dengan BPR dan beliau meninggikan suaranya kepada saya sambil berkata "adakah kamu maksudkan pejabat saya atau rumah saya pula selepas ini", Yang Arif, beliau takut," kata Anwar.

Ketika ditanya sama ada beliau tahu mengapa Dr Mahathir takut, Anwar berkata ia kerana siasatan tertumpu kepada unit-unit penswastan yang semua keputusan dibuat oleh Dr Mahathir.

Anwar berkata Perdana Menteri juga tidak berpuas hati dengan beliau selepas beliau (Anwar) membentangkan rang undang-undang bagi akta pencegah rasuah yang baru yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 1997.

Beliau berkata, pada ketika itu, Dr Mahathir berada di luar negara dan beberapa peruntukan dalam rang undang-undang itu dibantah oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Daim.

Kepada soalan lain, Anwar memberitahu mahkamah bahawa Azizan tidak takut kepadanya seperti didakwa oleh bekas pemandu isterinya itu kerana Azizan dan keluarganya terus mengunjungi rumahnya dari 1993 hingga 1998.

Perbicaraan disambung.

-- BERNAMA

SBB FAZ